

# Polis tingkat usaha jejak 7 lagi suspek



Keratan akhbar BH 19 Februari lalu.

Berita Harian - 1/3/2017 (M/S 6)

➔ PDRM sedia kongsi bukti senjata kimia agen saraf VX dengan PBB

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman  
mohd\_iskandar@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

Polis Malaysia meneruskan usaha menjejaki, di dalam dan luar negara tujuh lagi suspek yang disyaki bertindak sebagai perancang utama pembunuhan Kim Jong-nam, meskipun dua wanita yang terbabat dalam kejadian itu didakwa di mahkamah hari ini.

## Guna bantuan INTERPOL

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata usaha menjejaki tujuh suspek termasuk empat yang sudah meninggalkan negara ini pada hari pembunuhan abang pemimpin tertinggi Korea Utara itu, masih berjalan.

"Polis akan terus mencari mereka bagi membantu siasatan kes ini, walaupun dua suspek wanita (rakyat Indonesia, Siti Aisyah dan warga Vietnam, Doan Thi Huong) dituduh esok (hari ini).

"Kita akan menggunakan semua saluran yang ada termasuk mendapatkan kerjasama Polis Antarabangsa (INTERPOL)," katanya, semalam.

Empat lelaki yang disahkan sudah meninggalkan negara ini pada 13 Februari lalu iaitu hari pembunuhan abang Kim Jong-un terbabat dikenali Ri Ji-hyon, 33; Hong Song-hye, 34; O Jong-gil, 55, dan Ri Jae-nam, 57, ber-

dasarkan rekod dokumen perjalanan mereka.

Tiga lagi yang sedang dikesan ialah Ri Ji-u, 30, atau lebih dikenali sebagai James; Setiausaha Kedua Kedutaan Korea Utara di Kuala Lumpur, Hyon Kwang-song serta pekerja Air Koryo, Kim Uk-il

Khalid berkata, pihaknya tidak mempunyai masalah untuk berkongsi bukti mengenai senjata kimia agen saraf VX dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

## Kongsi jika dibenarkan

"Kita sedia berkongsi maklumat dengan PBB sekiranya Wisma Putra memberi lampu hijau (kebenaran). Siasatan polis (kes pembunuhan Jong-nam) adalah telus dan menyeluruh. Tiada sebab untuk polis tidak berkongsi maklumat mengenai agen saraf VX," katanya.

Sementara itu, dua syarikat berpangkalan di ibu negara,

yang dikaitkan oleh agensi berita antarabangsa menjadi saluran penjualan kelengkapan ketenteraan didalangi ejen perisikan Korea Utara, kini dalam pemerhatian polis.

Khalid berkata, International Global System Sdn Bhd, didaftar pada 2005, mengendalikan perniagaan multimedia, elektronik serta perdagangan, manakala International Golden Services Sdn Bhd yang didaftar pada 2012 pula mengendalikan perniagaan teknologi maklumat serta produk teknologi telekomunikasi.

"Kedua-dua syarikat terbabat kini dalam proses untuk dibatalkan pendaftarannya. Polis sentiasa memantau perkembangan dan mengambil tindakan secara berterusan untuk memastikan Malaysia tidak digunakan sebagai lokasi melaksanakan aktiviti yang boleh menggugat keselamatan negara," katanya.